Didik masyarakat jadikan sungai kawasan angkat



Dr Salmah Sathiman

Hujan lebat tanpa henti merisaukan penduduk, terutama yang tinggal di kawasan mudah dinaiki air apatah lagi banjir ialah fenomena sering berlaku di negara ini.

Banjir besar pada 2014 yang melanda negeri di Pantai Timur cukup menginsafkan dan memberi impak kepada negara serta masyarakat. Walaupun hampir enam tahun berlalu, kesannya masih terasa dan menjadi punca kerisauan.

Kehilangan disebabkan banjir membabitkan nyawa, harta benda individu serta awam yang ditanggung rakyat tanpa mengira darjat dan agama.

Berdasarkan laporan *Updating of Flooding Condition Study* pada 2012, secara purata negara kerugian RM1.151 bilion setahun disebabkan banjir.

Impak amat besar ini sudah pasti amat dirasai mereka yang berpendapatan rendah. Harta dan wang dikumpulkan untuk menyediakan ruang kehidupan selesa hilang sekelip mata.

Malah ia juga menjejaskan bekalan makanan negara apabila ternakan mati dan tanaman rosak. Contohnya padi, cili dan nanas yang musnah sebelum sempat dituai menjejaskan penawaran bekalan makanan di pasaran.

Manusia perlu sedar banjir bukan berlaku seratus peratus disebabkan lumrah alam, sebaliknya manusia juga penyumbang bencana ini.

Antara penyebab kepada banjir ialah sistem perparitan tidak terancang, kecil dan cetek sehingga tidak mampu mengalirkan air dengan lancar. Selain itu, mendapan dalam sungai menyebabkan ketidakmampuan menampung banyak air.

Mendapan ini boleh disebabkan faktor semula jadi atau pembuangan sisa domestik manusia. Selain itu, aktiviti pembalakan serta penerokaan hutan menyebabkan tanah terhakis sehingga hutan tidak dapat berperanan sebagai kawasan tadahan air.

Ilmu untuk menguruskan projek yang baik seiring dengan pemuliharaan alam sangat penting sehingga turut dianjurkan pelbagai pihak termasuk Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Kursus pengurusan bencana dapat mempersiapkan penjawat awam dengan ilmu menguruskan bencana secara teratur.

Oleh itu, pengurusan bagi mengelakkan berlaku bencana banjir perlu dilaksanakan. Tanggungjawab ini perlu digalas secara bersama membabitkan kerajaan dan masyarakat.

Pertama, kerajaan perlu memastikan sistem saliran atau perparitan dibuat dengan terancang bagi setiap projek pembangunan diluluskan. Pembangunan tidak bermakna jika harga dibayar untuk membaiki kerosakan menelan belanja lebih besar nilainya.

Penguatkuasaan dan pemantauan secara berjadual serta menggunakan teknologi terkini termasuk dron boleh dilaksanakan untuk mengesan sebarang pelanggaran sejak awal. Selain itu, saliran sedia ada perlu dibersihkan secara berjadual.

Kedua, mengadakan sistem dalam talian secara meluas yang membolehkan masyarakat menjadi mata dan telinga bagi melaporkan sebarang salah laku pihak tertentu.

Ini akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam apabila maklum balas bagi aduan dapat diketahui statusnya secara lebih telus.

Ketiga, memperhebatkan kempen melalui media bagi meningkatkan kesedaran dan mendidik masyarakat terhadap pemuliharaan sungai serta perparitan. Sungai atau perparitan tidak boleh dijadikan seperti 'tong sampah.'

Pembuangan sisa domestik ini akan mengganggu ekosistem sedangkan kita mempunyai cara lain untuk menguruskannya, iaitu melalui kitar semula.

Keempat, membuat ramalan awalan sebagai penggera sebelum berlaku banjir. Dengan itu, persiapan awal sewajarnya boleh dilaksanakan.

> *Memperhebatkan kempen melalui media bagi meningkatkan kesedaran dan mendidik masyarakat terhadap pemuliharaan sungai serta perparitan. Sungai atau perparitan tidak boleh dijadikan seperti 'tong sampah.'.*

Dalam konteks ini, integrasi maklumat secara masa sebenar akan membantu pembentukan tindakan bersepadu bagi setiap agensi terbabit. Kemudahan data raya perlu dimanfaatkan untuk menganalisis trend yang dapat membantu pembuatan keputusan.

Pengalaman Jepun cukup mengujakan betapa mereka amat menghargai sungai.

Sungai dijadikan kawasan angkat dengan setiap keluarga menanam pokok hiasan untuk memperindahkan sungai di kawasan masing-masing.

Budaya ini mungkin belum menjadi sebahagian kita, namun ia bukan juga alasan untuk membolehkan kita membuang sampah di dalamnya.

Menjelang bulan kemerdekaan ini, kita seharusnya boleh menjadi warga yang mampu memerdekakan diri dan pemikiran kita daripada perbuatan yang sia-sia.

Alangkah baiknya jika wang negara dapat digunakan untuk membina teknologi mengekang banjir seperti yang dilaksanakan di Belanda dan Jepun.

Malah, tema Bulan Kemerdekaan 2020, iaitu Malaysia Prihatin perlu dihayati dan diterjemahkan dalam kehidupan warga Malaysia termasuk alam konteks pemeliharaan alam.

***Penulis** adalah Felo Penyelidik Kanan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)*

